

Garis panduan Dana Penyakit

KLANG, Ahad - Kementerian Kesihatan mengakui rakyat berpendapatan lebih RM1,000 sebulan yang tidak layak mendapat kemudahan Dana Penyakit Kronik yang diwujudkan kerajaan untuk kumpulan berpendapatan rendah juga tidak mampu membiayai rawatan penyakit kronik.

Sehubungan itu, Menteri Kesihatan, Datuk Chua Jui Meng, berkata beliau masih menunggu garis panduan Kement-

terian Kewangan mengenai dana berkenaan dan bagaimana ia boleh dimanfaatkan oleh rakyat.

Beliau mengulas mengenai penubuhan Dana Penyakit Kronik dengan dana awal RM100 juta yang diumumkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam Bajet 2003 pada Jumaat lalu.

Chua berkata, beliau bersejua bahawa memang sukar bagi seseorang walaupun berpenda-

patan lebih RM1,000 untuk mengumpul wang diperlukan jika membabitkan jumlah yang besar seperti RM100,000 ke atas.

"Sebagai contoh, pasangan kembar Siam yang memerlukan RM900,000 untuk menjalani pembedahan pemisahan. Ini adalah satu jumlah yang besar untuk dikumpul walaupun memang ada rakyat Malaysia yang menderma, ia masih sukar diperolehi," katanya.

Beliau bercakap kepada pem-

berita selepas merasmikan Kempen Jadilah Sukarelawan dan Kempen Derma Darah Persewaan Bulan Sabit Merah Malaysia (PBSMM) cawangan Klang di Plaza MPK, di sini hari ini.

PBSMM Klang menjalankan kempen derma darah sebanyak empat kali setahun dengan purata 150 penderma setiap kempen. Pada kempen hari ini, PBSMM menasaskan 300 penderma.

Chua juga berkata, bajet yang

Kronik masih ditunggu

diumumkan Dr Mahathir pada Jumaat lalu adalah bajet mesra dan prihatin untuk rakyat berpendapatan rendah.

"Kita sering membaca dalam akhbar mengenai pesakit kronik yang memohon sumbangan orang ramai kerana tidak mampu membiayai kos rawatan yang tinggi.

"Kita gembira kerana ramai rakyat Malaysia yang menderma. Walaupun kita tahu rakyat Malaysia ramai menderma, kerajaan

masih melaksanakan banyak program melalui kementerian atau agensi lain bagi membantu membiayai rawatan pesakit kronik sama ada di hospital swasta dan luar negara," katanya.

Mengenai peruntukan tambahan RM7.55 bilion bagi memperbaiki kemudahan perkhidmatan kesihatan, Chua berkata, ia selaras matlamat memperkenalkan Malaysia sebagai destinasi Pelancongan Kesihatan.

Beliau berkata, pada masa ini pelancongan kesihatan hanya diamalkan oleh hospital swasta kerana hospital kerajaan adalah untuk rakyat tempatan, manakala orang luar yang mahu mendapatkan rawatan perlu membayar kos yang tinggi.

Sehubungan itu, katanya, kerajaan membina banyak dan mewujudkan rangkaian hospital yang dilengkapi kemudahan terkini, selaras kehendak manusia di abad ke-21.